

19 AUG 1997

Mahathir-Pusat

PUSAT PENTADBIRAN SEPERTI PUTRAJAYA DIBANGUNKAN DI SARAWAK

KUCHING, 19 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan pusat merancang untuk membina pusat pentadbiran yang menempatkan kementerian dan jabatan persekutuan di Sarawak, seperti pusat pentadbiran baru Putrajaya, dekat Kuala Lumpur.

Pusat pentadbiran itu akan dibina di kawasan seluas 2,020 ekar (kira-kira 808 hektar) yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada kerajaan pusat di Kampung Kubah di Km 30, Jalan Kuching-Matang, katanya.

Kawasan itu akan menjadi sebahagian daripada bandar Kuching yang sedang pesat membangun ini, kata beliau.

"Saya harap ia akan menjadi seperti Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan pusat di Sarawak," kata Dr Mahathir pada upacara pembukaan rasmi gerbang menandakan sambutan ulang tahun ke-40 Hari Kebangsaan Malaysia di Matang, 30 km dari sini.

Sebelum itu dalam aturcara yang agak "mengejutkan" Dr Mahathir, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud telah menyampaikan geran bagi tanah seluas 2,020 ekar (sempena Wawasan 2020) itu kepada Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata beliau akan meminta kerajaan pusat merancang dengan teliti corak pembangunan kawasan itu supaya ia menjadi nadi yang dapat merencanakan lagi pembangunan Sarawak.

Beliau berkata pembangunan kawasan itu nanti diharap akan memberi manfaat bukan sahaja kepada kerajaan pusat dan kerajaan negeri tetapi juga kepada penduduk yang tinggal berhampiran kawasan itu khususnya.

Hadiah tanah, katanya, jarang diterima oleh kerajaan pusat dan hadiah dari kerajaan Sarawak ini boleh diberikan kerana adanya hubungan erat antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri.

Sehubungan itu Dr Mahathir menekankan pentingnya hubungan baik antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri sebagai prasyarat kemajuan dan pembangunan sesebuah negeri dan negara ini.

"Kita sangat bernasib baik kerana kerajaan pusat dan kerajaan negeri diperintah oleh parti yang sama dan oleh itu setiap masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan cara rundingan," katanya.

Oleh kerana hubungan yang baik itu, pembangunan di Malaysia merupakan yang terpanjang antara negara-negara membangun, kata beliau.

Dr Mahathir berkata Malaysia akan menjadi lebih kuat lagi sekiranya setiap suku kaum dapat mengikis perasaan kesukuan dan kedaerahan masing-masing.

"Apabila kita buangkan saja sikap ini dan menganggap kita adalah satu bangsa Malaysia maka dengan sendirinya kita menjadi kuat," katanya.

Beliau berkata rakyat Malaysia harus sedar yang penjajah British menggunakan cara "pecah dan perintah" untuk melemahkan rakyat negara ini dan membolehkan mereka terus menjajah.

Katanya penjajah bukan sahaja mengasingkan rakyat mengikut bangsa, agama dan pekerjaan tetapi di kalangan orang Melayu pun ditanam semangat kenegerian yang tinggi supaya orang dari satu negeri membenci orang Melayu dari negeri lain.

"Sebaliknya apabila kita bersatu, kita berjaya tentang dan gagalkan Malayan Union iaitu usaha orang British untuk meneruskan penjajahan ke atas kita," katanya.

Perdana Menteri juga mengingatkan rakyat supaya yakin dengan diri sendiri dan bekerja lebih kuat untuk mencapai taraf sebagai negara maju.

"Jika kita kerja lebih kuat sedikit kita akan mencapai Wawasan 2020

lebih cepat yang bererti taraf hidup yang lebih baik untuk rakyat," katanya.

Beliau juga berkata negara juga telah mencipta pelbagai inovasi dalam pelbagai bidang yang telah dieksport dan digunakan oleh negara lain.

Menurutnya, beliau sangat tertarik dengan teknik kejuruteraan memampatkan lumpur yang dicipta oleh rakyat Sarawak dan kini digunakan dalam projek pembangunan pelabuhan Kuching yang baru.

Beliau berkata beliau akan meneliti lagi teknik kejuruteraan itu untuk digunakan di Kedah yang mahu membangunkan kawasan yang berlumpur, dan boleh juga dieksport.

Katanya kejayaan demi kejayaan yang dicapai itu adalah hasil daripada nikmat kemerdekaan yang telah dicapai oleh negara ini 40 tahun yang lepas.

-- BERNAMA

MT NMO